

336 kes dera dilaporkan dalam tempoh dua tahun lalu

KUALA LUMPUR – Sebanyak 336 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan berlaku di seluruh negara bagi tempoh 2021 hingga 2022.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kes tersebut melibatkan pelbagai kategori penderaan termasuk yang berlaku di rumah, pusat asuhan, taska berdaftar, taska tidak berdaftar dan sebagainya.

Justeru, beliau mengajak semua pihak agar mengadakan program berunsurkan nilai untuk mewujudkan ekosistem bagi membolehkan semua masyarakat mempunyai kesedaran serta membantu jika berlaku kes dera.

“Sekiranya ada maklumat



DEWAN RAKYAT

membabitkan penderaan, segera hubungi 15999. Sejak beberapa hari kebelakangan ini memang banyak kes berlaku.

“Saya ucap terima kasih kepada pegawai kita yang cepat bertindak dan mengikut proses dalam menyelesaikan kes penderaan walaupun sekarang di bulan puasa

(Ramadan),” katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Salamiah Mohd Nor (**PN-Temerloh**) yang mahu kementerian itu menyatakan peratusan kes penderaan kanak-kanak setahun di Malaysia dan sejauh mana usaha kerajaan menanganinya.

Nancy memaklumkan, pihak kementerian telah melakukan pelbagai langkah untuk menangani penderaan dan sosial membabitkan kanak-kanak.

“Antara langkah segera yang dilaksanakan adalah mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Penempatan Kanak-Kanak kepada ibu bapa dan orang yang layak,” katanya.